



# **MAJLIS PENYAMPAIAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL RTBB 2007 DAN DIVIDEN TSK 2008 RISDA NEGERI KEDAH 2007**

**UCAPAN ALUAN  
DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN) RISDA**

KG. KEDA WANG, KODIANG, KEDAH  
6 SEPTEMBER 2008  
10.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin  
Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Dihormati En. Azmi bin Mohamad  
Pengarah RISDA Negeri Kedah

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Penyampaian Dividen RTBB RISDA Negeri Kedah 2008. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Bagi pihak

3

pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri begitu bermakna kepada semua yang hadir pada hari ini. Sokongan yang ditunjukkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri akan menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha memperkasakan pekebun kecil dan sama-sama membantu negara mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, InsyaAllah.

4

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua dif-dif jemputan ke Majlis ini . Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khasnya dan juga industri getah keseluruhannya.

Saya juga mengalu-alukan kedatangan semua peserta RTBB serta pekebun kecil dari seluruh Kedah dan pastinya Majlis pada hari ini memberi pengertian yang cukup besar kepada RISDA khususnya dalam meningkatkan dan memperbaiki taraf hidup

5

pekebun kecil di Negeri Kedah, khasnya kearah mensasarkan pendapatan melebihi RM 2000 sebulan sekeluarga.

## **2.0 BAYARAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL RTBB 2007 DAN DIVIDEN 2008 NEGERI KEDAH**

Tujuan RISDA mengadakan Majlis ini pada hari ini adalah untuk menyampaikan keuntungan terkumpul RTBB bagi tahun 2007 dan juga dividen TSK bagi tempoh Januari-Julai 2008 bagi Negeri Kedah. Kadar keuntungan terkumpul RTBB yang telah ditetapkan adalah RM1000 seekar. Bagi Negeri Kedah seramai 818 orang

6

peserta RTBB dan 1,380 orang peserta TSK akan menerima dividen.

### **3.0 PENUTUP**

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Tan Sri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tan Sri atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Tidak

7

ketinggalan juga terima kasih kepada En. Azmi bin Mohamad, Pengarah RISDA Kedah serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

8